

20 MAR 1996

Khalil-Rumah

RUMAH SEWA UNTUK PEKERJA INDUSTRI DAN PELABUHAN DICADANGKAN

KUANTAN, 20 Mac (Bernama) -- Kerajaan negeri bersetuju pada dasarnya agar pemaju mendirikan projek perumahan dan kedai di kawasan berhampiran Pelabuhan Kuantan dan kawasan Perindustrian Gebeng bagi mengatasi masalah kekurangan rumah sewa di kalangan pekerja.

Menteri Besar, Tan Sri Khalil Yaakob hari ini berkata, setakat ini telah ada cadangan untuk membangunkan sebuah bandar mengandungi rumah dan kedai untuk tujuan itu oleh pihak swasta di kawasan berkenaan.

Semasa ditemui pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di sini, beliau berkata kerajaan negeri menggalakkan pemaju untuk membuat tawaran bagi memajukan tanah kerajaan atau tanah sendiri bagi mengatasi masalah itu.

Beliau diminta mengulas kenyataan Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Beserah, Jamal Nasir Ismail baru-baru ini bahawa terdapat kira-kira 30 rumah setinggan di kawasan antara Cherating dengan Chendor yang didirikan secara haram di atas tanah kerajaan.

Jamal berkata, rumah-rumah itu didirikan berikutan kurangnya rumah sewa untuk didiami pekerja yang terbabit dengan industri pelancongan dan perindustrian di negeri ini.

Khalil juga berkata, sungguhpun setakat ini Pahang tidak menghadapi masalah pendatang asing mendirikan rumah secara haram di atas tanah kerajaan tetapi, pengawasan rapi dilakukan terutamanya di sekitar pelabuhan, Gebeng dan Gambang.

Mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa pihak berkuasa tempatan mesti mengeluarkan Sijil Layak Diduduki (CF) dalam masa enam bulan, beliau berkata setakat ini Pahang tidak menghadapi masalah dalam mengeluarkan CF itu.

Katanya, kerajaan negeri juga tidak dapat menunggu lama untuk mengeluarkan CF lebih-lebih lagi membabitkan bangunan komersil.

Mesyuarat itu juga meluluskan kenaikan elaun 463 ketua kampung dan pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) di negeri ini bermula 1 Mac lepas. Mereka kini menerima RM200 sebulan selain kenaikan beberapa elaun lain.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar dan Pusat Pertumbuhan Desa Negeri, Datuk Omar Othman berkata berikutan kenaikan elaun itu, kerajaan terpaksa menampung kos tambahan sebanyak RM1.4 juta setahun yang meliputi JKKK kampung tradisi, kampung baru dan perkampungan Orang Asli. --

BERNAMA

ROS NMO